

26 MAY 2005

Abdullah-Ketua Menteri

KETUA MENTERI DAN MENTERI BESAR BERKHIDMAT UNTUK SEMUA KAUM, KATA PM

TOKYO, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata seorang Ketua Menteri atau Menteri Besar yang dilantik bukannya berkhidmat untuk kaum tertentu sahaja, tetapi mewakili kerajaan Barisan Nasional (BN) yang bertanggungjawab kepada pembangunan dan kesejahteraan keseluruhan rakyat dalam negara.

"Sesiapapun yang menjadi Ketua Menteri atau Menteri Besar akan memahami bahawa dia adalah Ketua Menteri atau Menteri Besar BN yang bertanggungjawab kepada rakyat yang terdiri daripada semua kaum," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Pengerusi BN, kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan tiga harinya ke Jepun, di sini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas cadangan Ketua Umno Bahagian Bukit Mertajam, Datuk Musa Sheikh Fadzir pada hari Ahad lepas supaya diwujudkan sistem penggiliran Ketua Menteri Pulau Pinang seperti yang pernah diamalkan di Sabah.

"Tidak bermakna apabila orang Melayu menjadi Ketua Menteri, yang baik akan dihulurkan kepada orang Melayu manakala yang tidak baik kepada kaum-kaum lain," katanya.

Abdullah berkata kerajaan berpegang kepada `status quo' dan melaksanakan apa yang dirunding dan dipersetujui dahulu.

"Kita akan teruskan cara itu. Yang penting ialah kita eratkan kerjasama dan muafakat dalam BN. Inilah prinsip muafakat perkongsian kuasa parti-parti komponen BN," tegasnya.

Abdullah turut diminta mengulas mengenai kebimbangan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap budaya rasuah, termasuk dalam parti-parti politik Malaysia, yang didakwa semakin serius.

Abdullah berkata bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dalam membanteras gejala rasuah.

"Kita akan meneruskan usaha perjuangan kita untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan rasuah. Tidak ada kompromi," tegasnya.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan menyiasat dan mengenakan hukuman terhadap pesalah rasuah, tetapi pendekatan yang lebih penting dan giat dilakukan adalah program pencegahan.

"Ini dilakukan dalam pelbagai program. Saya berharap usaha kita untuk memerangi rasuah akan berhasil," katanya.

-- BERNAMA

MFJ AZH